

BAHASA MELAYU

-----O-----

(oleh Musyfa')

Setelah saya baca makalah Tuan HAMKA di akhbar Warta bilangan 6 keluaran Selasa 8 September 1953 bertajukkan "Bahasa Menunjukkan Bangsa" itu terasalah puas hati serta mengucaplah saya di sini banyak berterima kasih kepada tuan itu kerana keadilan dan keikhlasannya kepada kita orang-orang Melayu sama ada yang di Indonesia (bangsanya sendiri) dan kita di Singapura dan Malaya ini berkenaan dengan bahasa-bahasa Melayu yang mesti kita sekalian di Singapura dan di Persekutuan Tanah Melayu ini menaikkan mutunya menurut pepatah Melayu tua "bahasa menunjukkan bangsa." Walau dengan perkataan-perkataan yang direkai baharu atau dengan dipinjam atau ditiru daripada perkataan-perkataan bahasa asing maka inilah satu jalan meninggikan bahasa kita; dan teguran-tegurannya itu ikhlas dan benar.

Setengah daripada katanya itu adalah menepati betul pada kata saya dalam majalah "Qalam" bilangan 37 keluaran Ogos 1953 yang di situ saya katakan bahawa orang-orang Melayu Sumatera tiada tahu bahasa Jawa dan begitu jugalah orang-orang Jawa tiada tahu bahasa Melayu Sumatera dan begitu jugalah di antara orang-orang Bugis, Minangkabau, Batak dan beberapa banyak bangsa-bangsa dan bahasa-bahasa yang lain-lain lagi. Tuan HAMKA sendiri ada mengaku dalam makalahnya yang tersebut jangankan lagi orang-orang yang sememang yang berlain-lainan bangsa dan jauh yang berlain-lainan negeri, bahkan mereka yang sama senegeri dan sebangsa sekalipun terutama yang jauh daripada bandar-bandar itu ada berlainan bahasa maka bahasa-bahasa yang demikian digelarkan bahasa daerah! Kerana bahasa daerah itu belum banyak dipakai am.

Bahawasanya saya pun mengaku yang kita sudah lama di dalam usaha Inggeris sebagaimana saudara-saudara kita di Indonesia itu sudah lama lagi diasuh oleh orang-orang Belanda di dalam perkara-perkara persekolahan surat menyurat, dan cakapan bahasa Belanda serta berbagai-bagai macam pengetahuan yang lain-lain lagi maka oleh yang demikian jadi bertepatanlah dengan kata tua Melayu: "bagaimana guru begitulah sisihannya".

Orang-orang Indonesia banyak memakai perkataan-perkataan bahasa Belanda, tatkala kita di Singapura dan di Malaya banyak menggunakan banyak perkataan-perkataan bahasa Inggeris tetapi sebutan-sebutan dan ejaan-ejaannya adalah kerap kalinya berlainan sedikit sebanyak disebabkan oleh keteloran lidah kita terlebih lagilah bila ditulis dengan huruf Melayu atau dijadikan tulisan Rumi oleh saudara-saudara kita di Indonesia menurut tauladan-auladan yang saya zahirkan sedikit di bawah ini:-
Inggeris-*Nation* (*Nation* bunyinya Na-shun)-
National (*National* bunyinya Na-shunal)-
Proclamation (*Proclamation* bunyinya Proclama-Shun)

Rumi Belanda di tulis dengan huruf Melayu: *nation national proclamation*. Adapun sebab perselisihan sebutan ini ialah kerana perkataan-perkataan Belanda kebanyakannya boleh disebut menurut segala huruf yang dijadikan ejaannya. Saya sendiri selalu biasa membaca sedikit-sedikit perkataan Belanda dan diakui betul sebutan saya itu oleh orang-orang Belanda pada halnya saya tidak mengerti apa yang saya sebut itu, iaitu pada masa saya bekerja berkhidmat kepada seorang Sultan di Pulau Sumatera di Indoensia lebih daripada 33 tahun selepas saya balik ke Malaya sehingga hari ini, di dalam masa 33 tahun sepeninggalan saya itu tidaklah saya tahu betul apa yang telah berubah atau ditambah perkataan-perkataan bahasa Melayu Indonesia sama ada yang diambil daripada perkataan-perkataan Belanda atau daripada bahasa-bahasa lain atau pun yang direkai baharu oleh saudara-saudara kita di sana. Tidaklah (sambungan pada muka 16)

maka kelambu yang lama itu terpulangnya kepada pegawai penjaga Baitullāh. Pegawai ini daripada penduduk Mekah sejati. Keluarganya “Bani Shaybah” atau “Al al-Shaybī” memang suatu keluarga tua yang terkenal semenjak zaman Nabi (SAW) dahulu memegang jawatan “Sadinah al-Bait”-ketua penjaga Baitullāh al-Haram. Demikian juga kelambu Makam Nabi yang lama itu terpulangnya kepada penjaga Makam Nabi di Madinah.

Raja-raja, hartawan-hartawan Islam yang datang ke Tanah Suci, berbuat-buat membeli kain kelambu lama yang tersebut, ada yang membayar berpuluh-puluh paun dan ada yang membayar beberapa ringgit kerana sepotong menurut besar kecilnya kerana hendak dijadikan sebagai suatu benda yang bersempena baik dan berkat.



Setengah daripada perhiasan Kaabah yang telah siap, sedang diperiksa oleh seorang pegawai kerajaan.

(sambungan dari muka 14)

saya memanjangkan keterangan tentang perselisihan sebutan-sebutan huruf Inggeris dengan huruf Belanda di sini hanyalah sedikit-sedikit sahaja iaitu:-

Huruf Inggeris G. V. Y menjadi KH. F.J (Kha) kepada Belanda, misalnya saya ditulis dengan ejaan Rumi Belanda SAJA – Inggeris *Fift* (lima puluh) ditulis oleh Belanda “*Viertig* (Viertig), Gabenor Jeneral dibunyikan oleh orang-orang Belanda “*Khufnur Khenaral*” Sultan *Langkat Soeltan Van Langkat*. Ada pun *Van* itu bunyinya “pun” bererti dari, tatkala orang Jerman pula diejanya *Von* pun “*Fon*” tetapi ertinya sama.

Dan lagi tuan HAMKA mengatakan cacao (bunyinya atau sebutannya cacao) itu perkataan Melayu maka kata Tuan HAMKA itu betul yang tidak boleh dimisalkan; tetapi di sini suka saya menambah lagi sedikit keterangannya. Ada pun perkataan “cacau” itu aslinya datang daripada perkataan kacau (kacau) kerana sememangnya seorang budak yang nakal itu suka mengacau mengkeridikkan barang-barang menyusahkan ibu bapanya mengacau orang bekerja maka dikatakan, “cacau atau pengacau benar budak ini!” dan lagi jika ada seorang sakit dan fikirannya tidak bersusun sempurna lalu bercakap ia perkara-perkara yang bukan-bukan sekejap ini sekejap itu maka dikatakanlah orang sakit itu meracau cakupnya dan budak yang nakal itu dikatakan si pengacau.

Saya mengaku bahawa saya bukan seorang yang pandai, tetapi suka berdamping dengan mereka yang berniat baik hendak menaikkan mutu bahasa kita Melayu sama ada di Singapura, di Indonesia dan serta alam Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini, sama ada tuan-tuan itu sudi menerima perdampingan saya atau tidak adanya.